

# EKUINAS lupus 61.61 peratus saham KLB

**Ekuiti** Nasional Bhd (EKUINAS) telah menyelesaikan pelupusan 61.61 peratus kepentingannya dalam Konsortium Logistik Bhd (KLB) kepada KL Airport Services Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh DRB-Hicom Bhd.

Konsortium Logistik dalam satu kenyataannya berkata, berikutan itu ia kini adalah anak syarikat DRB-Hicom.

Syarikat itu turut mengumumkan peletakan jawatan Ketua Eksekutif EKUINAS, Datuk Abdul Rahman Ahmad, sebagai pengurusnya bersama dengan Nik Johaan Nik Hashim sebagai perwakilannya.

Pada masa sama, Naib Presiden Eksekutif KLB, Datuk Syed Faisal Albar telah mengumumkan beliau akan meninggalkan syarikat itu tetapi kekal sebagai pengarah bukan-eksekutif bukan-bebas syarikat.

Berikutan pengambilalihan KLAS/DRB-Hicom, syarikat itu melantik Tan Sri Mohd Khamil Jamil sebagai Pengurus dan Datuk Mohamed Razeek Md Hussain sebagai pengarah bukan-eksekutif untuk mewakili DRB-Hicom dan KLAS.

Selain itu, KLB turut melantik Mohd Shukrie Mohd Salleh sebagai Ketua Eksekutifnya.

Pada masa ini, Mohd Shukrie adalah Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Pos Malaysia Bhd, syarikat dalam kumpulan DRB-Hicom.

Abdul Rahman dalam kenyataan itu berkata, selepas tiga tahun dengan nilai pemegang saham yang ketara berjaya diwujudkan, EKUINAS dengan berbesar hati menyerahkan pemilikan KLB kepada DRB-Hicom.